

HFMD, denggi ancaman baharu di Negeri Sembilan

HARIAN METRO

MS: 5

4/6/2022

Seremban: Selepas Covid-19, kes jangkitan penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) dan demam denggi menjadi ancaman terbaru di negeri ini susulan peningkatan mendadak direkodkan.

Difahamkan kes jangkitan penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) di Negeri Sembilan sejak awal Januari

sehingga semalam mencatatkan 3,925 kes.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Ke-penggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, kumulatif kes pada Minggu Epid 21 yang berakhir pada 28 Mei ini adalah 780 kes iaitu penurunan 21 peratus berbanding minggu sebe-

lumnya.

“Daerah Seremban mencatatkan jumlah kes HFMD paling tinggi iaitu 2,219 kes, diikuti Port Dickson (484 kes) dan Jempol (430 kes).

“Bagi daerah Rembau pula 333 kes direkodkan, Tampin (175 kes), Kuala Pilah (172 kes) dan Jelevu 112 kes,” katanya.

Menurutnya, kumulatif

wabak HFMD di Negeri Sembilan pada tahun ini adalah 50 wabak.

Beliau berkata, sembilan wabak daripadanya masih aktif iaitu masing-masing tiga di daerah Seremban dan Jempol manakala masing-masing satu di Port Dickson, Tampin dan Jelevu.

Sementara itu Negeri Sembilan turut merekodkan

512 kes demam denggi iaitu peningkatan sebanyak 82.9 peratus bagi tempoh Januari hingga 28 Mei lalu berbanding 280 kes tempoh sama tahun 2021.

Veerapan berkata Seremban merekodkan jumlah tertinggi iaitu 390 kes diikuti Rembau (37), Jempol (27), Port Dickson (20), Jelevu (16), Tampin (13) dan Kuala

Pilah (9).

“Sebanyak 44 kes direkodkan di seluruh negeri untuk minggu ke-21 iaitu dari 22 Mei hingga 28 Mei.

“Tiada kes maut dilaporkan pada minggu semasa menjadikan kumulatif kematian denggi sebanyak satu kes atau 0.2 peratus bagi tempoh sama (Jan-28 Mei),” katanya.